

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
MERANGKAP YANG DI-PERTUA BAKTI
DI MESYUARAT TAHUNAN KE 9 BAKTI
DI SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
PADA HARI SELASA, 1HB. JULAI, 1986
PUKUL 4.00 PETANG

Yang Berbahagia Puan Hajah Asmah Alang,
Naib Yang Di-Pertua BAKTI;

Yang Berbahagia Tun Rahah;

En. Kamal yang saya hormati;

Saudari-saudari para ahli BAKTI yang dikasihi.

Sekali lagi saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana telah sempurna pembukaan rasmi Majlis ini sebentar tadi. Saya berterima kasih kepada para hadirin kerana sudi bersabar dan saya berharap akan terus bersabar hingga akhir Mesyuarat Tahunan ini.

2. Bagi pihak semua ahli BAKTI dan ahli-ahli Bersekutu, saya mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan Yang Berbahagia Puan Hajah Asmah bte Alang sebagai Naib Yang Di-Pertua BAKTI. Kami dalam BAKTI berharap bahawa Yang Berbahagia Puan Hajah Asmah akan bersama dengan ahli-ahli yang lain dengan seberapa yang boleh, kerana kami ingin berkenal-kenalan dan mendapat cadangan-cadangan baru daripada pengalaman Yang Berbahagia sebagai ahli badan-badan wanita dahulu. Kami juga faham atas kesulitan Yang Berbahagia, dan akan mengaturkan supaya

Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Kecil dan Setiausaha BAKTI mengirinkan maklumat mengenai segala aktiviti yang akan dijalankan sepanjang sesi 1986/87 kemudian kelak.

3. Bagi pihak BAKTI juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli BAKTI yang bersara dalam sesi 1985/86, iaitu Yang Berbahagia Datin Maria, Yang Berbahagia Datin Withelmina Neo, Yang Berbahagia Datin Margeret Chin dan Yang Berbahagia Puan Sri Eu Ngoh. Seorang dua daripada mereka telah memegang jawatan dalam Jawatankuasa Tadbir dan telah memberi kerjasama setiap masa. Kita amatlah bertuah kerana Yang Berbahagia Puan Sri Eu Ngoh masih rapat dengan BAKTI secara Ahli Bersekutu dan rela pula memegang jawatan seperti Pengerusi Jawatankuasa Projek Amal. Kepada mereka yang bersara, kita ucapkan selamat bersara.

Pada hadirin yang dihormati,

4. Selaku Yang Di-Pertua, saya sangat berpuas hati dengan sesi 85/86 kerana, pada anggapan saya, kita telah mencapai banyak kemajuan. Laporan-laporan aktiviti telahpun didapati dalam Buku Laporan dan saya akan menyebutkan yang penting sahaja, seperti berikut:-

(i) Persidangan Kebangsaan Penglibatanlbubapa dalam Mencegah Dadah pada 26hb. & 27hb. Oktober, 1985, di PWTC dengan disertai oleh lebih daripada 300 orang peserta dari seluruh negara. Sebahagian besar ahli-ahli BAKTI telah menyertai Persidangan itu dan BAKTI telah membelanjakan hampir \$76,776.00 bagi menganjurkan Persidangan ini.

(ii) Tabung Dermasiswa BAKTI telah dapat memperluaskan dermasiswa kepada murid-murid tingkatan persekolahan tinggi dengan memberi 2 orang calon setiap negeri sejumlah \$400.00 setahun dan mengaturkan 10 dermasiswa simpanan untuk

calon-calon yang layak. Setakat ini, sejumlah \$106,119.20 daripada Tabung Dermasiswa telah dikeluarkan.

- (iii) Sumbangan BAKTI kepada Para Tentera bagi Hari Raya 1986 telah diadakan pada 28hb. Mei tahun ini setelah ahli-ahli BAKTI menyediakan 4,000 bungkusan serunding dan kueh baulu bagi 8 buah briged Tentera yang bertugas di kawasan operasi. Sebanyak \$19,600.00 telah dibelanjakan.
- (iv) Penyampaian Sumbangan BAKTI telah diadakan 3 kali dan ianya adalah dalam bentuk wang dan barang-barang kepada masyarakat. Senarai penerima dijelaskan dalam Buku Laporan, bersama dengan jumlah besarnya. Kita dapati baru-baru ini bahawa banyak permohonan telah diterima dari satu tempat sahaja. Walaupun BAKTI ingin melayan seberapa banyak rayuan yang boleh, ahli-ahli termasuklah saya sendiri, adalah diingati bahawa Jawatankuasa Kecil Kebajikan dan Jawatankuasa Tadbir berkuasa menyelidik dan menolak rayuan-rayuan yang tidak munasabah. Mungkin syarat-syarat penaburan sumbangan BAKTI perlu dibuat untuk setiap negeri supaya tidak ada situasi berat sebelah berlaku di mana-mana juga dan BAKTI tidak akan dituduh memberi kepada sesuatu golongan sahaja dan tidak pula kepada golongan yang lain. Seringkali juga berlaku di mana Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan menerima surat-surat yang mengandungi kata-kata yang kesat kerana lambat menimbang atau lambat mengirinkan sumbangan. BAKTI tidak memohon terima kasih daripada sesiapaupun yang telah kita bantu, hanya bahasa dan fahaman bahawa ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir dan Jawatankuasa Kebajikan perlu mengikuti peraturan organisasi, khasnya mengenai kewangan.

- (v) Pertandingan Badminton Rebutan Piala Pusingan Toh Puan Suhaila yang merupakan aktiviti BAKTI yang paling hebat sekali dalam sesi 85/86. Dengan dikelolakan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 24hb. dan 25hb. Jun lalu, para peserta dari 10 buah Badan Wanita di peringkat Negeri telah berkumpul dan bertanding di Geodesic Dome Pulau Pinang. Sungguhpun BAKTI tidak dapat merebut balik piala itu, saya berasa amat puas hati dengan kesungguhan pemain-pemain BAKTI dalam pertandingan dan juga peranan ahli-ahli dan penyokong-penyokongnya dalam situasi yang mencabar. Keadaan ini adalah hasil daripada kawalan dan ketegasan Pengerusi Jawatankuasa Kecil Sukan dan Kapten Pasukan BAKTI, Yang Berbahagia Toh Puan Norashikin, yang mempunyai pengalaman luas dalam menganjurkan beberapa kejohanan Badminton Wanita dalam negeri dan juga menjadi seorang pemain badminton yang amat lincah dan handal. Dengan itu kita tidak hairanlah jika beliau dianugerahkan gelaran Pemain Badminton Terbaik sekali dalam semua aspek oleh Jawatankuasa Induk Kejohanan Badminton di Pulau Pinang itu. Kita ucapkan syabas dan tahniah kepada Toh Puan dan menyatakan betapa bangganya kami atas penghormatan yang diberikan ke atas Toh Puan Norashikin. Piala Toh Puan Suhaila itu telah dimenangi oleh Pasukan Bistari dari Melaka dan kita akan pergi ke Melaka pada tahun 1987 untuk merebut piala itu, insya-Allah.

Saudari-saudari sekalian,

5. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir dan Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Kecil serta ahli-ahli mereka kerana menyempurnakan dengan baik pentadbiran dan aktiviti BAKTI

sepanjang sesi 85/86. Dengan kerjasama dan bantuan daripada setiap orang ahli, tugas saya sebagai Yang Di-Pertua BAKTI telah menjadi ringan, dan masalah telah berkurangan. Saya berharap sesi 86/87 akan begitu juga dengan ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir yang baru. Tidak semestinya semua ahli-ahli lama ditukar dengan baru, tetapi jika perlu ditukar sesorang, saya berharap ahli-ahli sekalian akan memilih calon-calon yang benar-benar akan menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik. Saya ingin melihat ramai lagi isteri Timbalan-Timbalan Menteri dan Setiausaha-Setiausaha Parlimen memasuki Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil kelak kerana pada sesi 86/87 kita akan menganjurkan Projek Walkaton dan lebih banyak lagi rancangan bagi ahli-ahli dan juga masyarakat.

6. Kepada Faridah, Setiausaha Kehormat BAKTI, dan Annie, Bendahari Kehormat BAKTI, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih yang istimewa, kerana tanpa mereka berdua, banyak pentadbiran BAKTI tidak dapat saya jalankan dan kedudukan kewangan BAKTI tidak akan begitu jelas dan teratur seperti yang dilaporkan oleh Annie dan disahkan oleh Juruodit kita.

7. Dengan pendahuluan ini, saya berharap saudara-saudari akan memberi kerjasama kepada saya supaya Mesyuarat ini akan berjalan dengan licin dan sempurna.

Sekian, terima kasih.
